


# Dewan *Sastera* ديوان سسترا

Penjana Sastera Kreatif • Bil. 09/2021



## Sedia untuk Berangkat: Teori Sastera Autobiografi

Sri Rahayu Mohd Yusop:  
Penglipur Lara Moden

Karya Sastera dengan  
"Ilmu Kemungkinan"

f Dewan Sastera  
dewansastera  
#MalaysiaMembaca

KK 800-90451-0921  
ISSN 0126-5059



9 770126 505000

Hadiah Ikhlas






## Mengungkap Kemilau Sejarah dalam *Manisnya Rambutan Kampung*

**M***anisnya Rambutan Kampung* ialah sebuah novel nukilan Zahari Affandi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2018. Terdahulu, cerpen “Manisnya Rambutan Kampung” telah diterbitkan dalam *Mingguan Malaysia* pada 16 Jun 2013. Cerpen ini telah dinobatkan sebagai salah satu pemenang Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2013. Kedua-dua karya karangan Zahari Affandi ini mempunyai persamaan ketara dari segi penggunaan tajuk yang serupa dan penonjolan watak utama, Mak Engku, yang menjaga pokok rambutan gading sepenuh jiwa dan raga walau apa-apa jua cabaran mendatang dalam kehidupannya di desa.

Perbincangan ini akan mengupas unsur sejarah yang diselitkan dalam penceritaan novel keluarga *Manisnya Rambutan Kampung*. Walau bagaimanapun, novel ini bukanlah sebuah novel cereka sejarah yang khusus kerana penggunaan unsur sejarahnya tidak bercirikan kronologis, tetapi lebih selektif dalam menceritakan peristiwa-peristiwa tertentu sahaja. Naratif berasaskan sejarah dalam novel ini bersifat didaktik, yang berfungsi untuk menyampaikan peringatan dan pengajaran kepada pembaca, terutamanya golongan muda yang tidak begitu mengenal dan memahami erti sejarah dan warisan bangsa sendiri.



Ibu tua itu sanggup kehilangan anak kerana Ahmad Rahimi sudah mulai lupa adat nenek moyangnya agar sentiasa menjaga pokok rambutan keluarga mereka.

### Kepengarangan Zahari Affandi

Zahari Affandi atau nama sebenarnya, Asari bin Ismail, yang berasal dari Kampung Baru Pahi, Kuala Krai, Kelantan, merupakan seorang penulis yang begitu produktif menghasilkan pelbagai genre sastera kreatif, terutamanya dalam penulisan prosa, khususnya novel dan cerpen. Beliau seorang penulis prosa tanah air yang prolifik dan tekal sejak 1970-an lagi. Antara novel-novel yang dihasilkan, termasuk *Bulan Merah di Tiga Kuala* (1976), *Diari Seorang Buta* (1977), *Titian* (1977), *Bila Langit Kian Mendung* (1979), *Keringkan Embun di Rumpun Ini* (1979), dan *Kunang-kunang* (1979) (Ahmad Kamal Abdullah *et al.*, 2006), di samping banyak lagi cerpen. Beliau terbukti begitu konsisten menyumbang dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden.

Ketokohan Zahari Affandi jelas tuntas apabila beberapa karya beliau telah memenangi pelbagai anugerah. Cerpen “Kaki Burung” telah memenangi Hadiah Karya Sastera 1971 dan cerpen “Berangkatlah Puteri-puteriku Sayang” pula memenangi Hadiah Karya Sastera 1975. Cerpen “Kunang-kunang” dan “Bila Bintang-bintang Gugur ke Bumi” pula memenangi Hadiah Karya Sastera 1976 berserta novel *Bulan Merah di Tiga Kuala* yang memenangi Tempat Kedua Sayembara Novel GAPENA-Yayasan Sabah, pada tahun yang sama. Walaupun Zahari Affandi dianggap sebagai seorang penulis veteran, namun kepengarangan beliau masih diakui relevan dan mendapat tempat sehingga hari ini. Hal ini terbukti apabila karyanya masih memenangi anugerah penulisan kreatif sehingga kini, malah mampu bersaing dalam kalangan generasi milenial alaf baharu. Selain cerpen “Manisnya Rambutan Kampung” yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPPM) 2013, pengiktirafan

terkini beliau adalah sebagai pemenang tempat ketiga bagi kategori novel dalam Sayembara Penulisan ITBM-PENA-BH Musim ke-2, yang diumumkan pada tahun 2017, menerusi novel *Embargo* (2015), terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

### Cerpen “Manisnya Rambutan Kampung”

Cerpen “Manisnya Rambutan Kampung” mengisahkan seorang ibu tua bernama Mak Engku yang hidup sendirian – hanya bertemankan sebatang pokok rambutan gading yang lebat buahnya, lekang dan manis isinya. Mak Engku mempunyai empat orang anak namun tidak seorang pun antara mereka yang menjenguk bertanya khabar tentang hidupnya di kampung: “yang alim pun lupa langsung hal dunia, bercakap pasal hukum-hakam agama, tetapi adik-beradik, sanak saudara dan ibu tua di kampung yang hidup sebatang kara.” Pada suatu hari, anak bongsu Mak Engku, iaitu Ahmad Rahimi yang masih lagi menuntut di universiti, balik ke kampung bersama-sama beberapa rakannya dengan hasrat ingin menjamu mereka dengan rambutan gading. Walau bagaimanapun, tingkah laku anak bongsu Mak Engku dan rakan-rakannya yang menggunakan mesin gergaji kecil untuk mendapatkan buah rambutan dianggap kurang ajar dan melanggar pantang larang. Mak Engku yang bersenjatakan parang, menghalau anaknya. Ibu tua itu sanggup kehilangan anak kerana Ahmad Rahimi sudah mulai lupa adat nenek moyangnya agar sentiasa menjaga pokok rambutan keluarga mereka. Cerpen ini berakhir dengan satu tragedi yang meragut nyawa anaknya, Ahmad Rahimi, ketika cuba mencuri buah rambutan dan Mak Engku sendiri pengsan disambar petir.

Berdasarkan penilaian panel juri HSPM 2013, cerpen “Manisnya Rambutan Kampung” mempunyai kekuatan tersendiri dengan menimbulkan pertembungan persoalan-persoalan nilai lama dan baharu, atau tradisi dan moden. Petikan di bawah ialah ulasan oleh panel penilai terhadap keunikan cerpen ini sehingga diangkat sebagai salah satu pemenang dalam kategori cerpen eceran:


Cerpen ini menunjukkan perbezaan orang kampung dan orang bandar, serta nilai adat dan nilai moden yang mengabaikan tradisi yang sekian lama diikuti. Secara ironisnya, cerpen ini memaparkan keadaan “biar mati anak, jangan mati adat” dengan cara literal. Ironi dan kejutan yang dikemukakan oleh pengarang menyerlahkan perbezaan nilai yang nyata yang menjadi realiti di dalam komuniti Melayu masa kini.

Cerpen “Manisnya Rambutan Kampung” karya Zahari Affandi jelas berfungsi sebagai satu kritikan sosial yang menentang pertentangan antara norma-norma lama atau tradisi dengan norma-norma baharu atau moden dalam masyarakat Melayu. Persamaan cerpen dan novel jelas dengan peranan

protagonis, Mak Engku, dilihat sebagai representasi tradisi atau adat lama masyarakat desa yang berhadapan dengan norma-norma baharu kemodenan yang boleh mengganggu-gugat kelestarian sejarah dan warisan orang Melayu, khususnya masyarakat Kelantan. Daripada cerpen inilah Zahari memilih untuk mengembangkannya sebagai sebuah novel, dengan beberapa persoalan dan wacana tambahan yang tidak mampu dikendong oleh sebuah cerpen.

#### Novel dan Asal Usul Rambutan Gading

Novel *Manisnya Rambutan Kampung* melebarkan lagi juring persoalan antara tradisi dengan moden melalui watak utama, Mak Engku dan pokok rambutan gadingnya, yang buahnya tidak pernah dijual tetapi dikongsi atau disedekahkan kepada sesiapa sahaja, tidak mengira bangsa dan darjat. Watak Mak Engku dan generasi yang seangkatan dengannya seperti datuk, ayah dan suaminya dilihat sebagai pendukung amalan tradisi yang berpegang teguh pada norma masyarakat Melayu lama, manakala generasi muda seperti anak-anak Mak Engku pula ialah representasi sikap moden yang bercanggah dengan amalan terdahulu.



Jika dalam cerpen, Mak Engku mempunyai empat orang anak, dalam novel pula, Mak Engku atau Mak Engku Tuan Wok mempunyai tiga orang anak kandung: dua anak lelaki; yang sulung bernama Syed Abdul Rahman, disusuli oleh anak perempuannya, Syarifah Munirah; dan yang akhir anak lelaki bernama Syed Bongsu. Seterusnya, dia mempunyai dua orang cucu lelaki dan seorang cucu perempuan bernama Syed Idham dan Syarifah Syafinas, iaitu anak Syarifah Munirah, berserta Syed Mohd Jefri, anak Syed Abdul Rahman. Mak Engku juga memelihara dua orang cucu lelaki angkat, iaitu Iqbal dan Syafik (masing-masing berumur lebih kurang 10 dan 14 tahun), sementara ketiadaan anak dan cucu kandungnya di rumah pusaka. Novel *Manisnya Rambutan Kampung* yang berlatarbelakangkan Kampung Pahi di Kuala Krai, Kelantan ini, mengutarakan persoalan adat yang dipegang utuh oleh Mak Engku, seteguh pokok rambutan gadingnya.

Keteguhan sebatang pokok rambutan gading yang manis, lekang dan lebat buahnya dalam novel *Manisnya Rambutan Kampung* ialah simbol keutuhan watak utamanya, Mak Engku, dalam usaha mempertahankan adat, nilai murni dan kepercayaan dalam hidupnya. Seawal beberapa perenggan permulaan lagi, hubungan Mak Engku dan pokok rambutan gadingnya digambarkan begitu akrab sekali. Saban hari, Mak Engku menjaga pokok tersebut seumpama menjaga diri sendiri seperti dalam perenggan pembukaan novel ini:

Setiap pagi, itulah rutin hariannya.  
Kawasan pokok rambutan gadingnya

mesti bersih, jangan ada semak samun atau rumput walaupun sehelai. Kalau bersemak, banyak musuh-musuh yang berselindung, siput babi dan ulat bulu apatah lagi dedalu dan tunjung langit. Apabila sudah memanjat, pokok balak tujuh lapan pemeluk sekalipun boleh menjadi layu dan kering. Inilah parasit dan makhluk perosak yang utama. Ini memang dijaga betul-betul oleh Mak Engku Tuan Wok.

(Zahari Affandi, 2018:1)

Petikan tersebut juga berfungsi sebagai satu eksposisi yang memberikan gambaran sikap watak Mak Engku. Secara tersiratnya, ibu tua ini seorang yang berdisiplin dan akan mempertahankan haknya daripada sebarang ancaman. Kegigihan Mak Engku menjaga pokok rambutan gading serta rumah pusaka yang diwarisinya, juga sejajar dengan janji yang diamanahkan oleh ayahnya sebelum ini: "Kamu kena jaga rumah ini dan pokok rambutan gading!" (Zahari Affandi, 2018:3), begitu pesan Tuk Ku Syed Sulung, yang sentiasa tersemat dalam ingatan Mak Engku.

Pokok rambutan gading warisan keluarga Mak Engku ini juga mempunyai asal usul yang unik. Ia mempunyai kaitan dengan pokok rambutan yang pernah tumbuh di halaman Istana Melaka suatu ketika dahulu:

Asalnya tumbuh subur dan masak meranum di halaman Istana Melaka, setelah Sultan Mahmud lari meninggalkan istana apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada 15 Ogos 1511, semuanya jadi layu dan kering tidak terjaga.

(Zahari Affandi, 2018:12)

Petikan di atas dituturkan sendiri oleh ayah Mak Engku kepadanya dan hal ini memberikan gambaran betapa istimewanya pokok rambutan gading tersebut. Selanjutnya, Tuk Ku Syed Sulung, ayah Mak Engku, bercerita kepadanya bahawa, datuknya iaitu Tuk Ku Syed Paduka, ialah orang yang bertanggungjawab membawa benih rambutan gading ketika kejatuhan Melaka:

Sebelum berundur ke Riau, sempat juga Tuk Ku Syed Paduka meragut empat lima biji rambutan gading yang tengah meranum masak di laman Istana Melaka sebagai bekalan. Tuk Ku Syed Paduka bergabung dengan orang Melayu Riau mempertahankan Kota Kara di Pulau Bentan menentang Portugis yang terus memburu Sultan Melaka.

(Zahari Affandi, 2018:16)

Benih rambutan gading ini juga mempunyai perjalanan yang panjang, seiring dengan penghijrahan keturunan Mak Engku, yang asalnya dari Terengganu, kemudian berhijrah ke Melaka, lalu lari ke Bentan dan kembali ke Terengganu semula, sebelum sampai ke Kelantan:

Setelah Sultan Mahmud mangkat di Siak, sebelum berangkat untuk membantu kubu pertahanan Raden Haji Muhi Jamallulal di Kampung Dusun Tanah Periuk, Mura Bungo di Jambi daripada ancaman Belanda, Tok Ku Syed Paduka Menteri sempat mengirim benih rambutan yang sudah bercambah dalam uncang upih pinang kepada adiknya Tuk Ku Syed Haji Solehim Abdul Rahman yang berlayar ke Terengganu,

kampung asal Tuk Ku Syed dan membuka sebuah madrasah pondok di Kampung Paloh.

(Zahari Affandi, 2018:17)

Rambutan gading warisan keturunan Mak Engku yang mempunyai “cerita keramat asal usul” (*ibid.*:18) ini jelas berkait rapat dengan perjalanan hidup keluarga Mak Engku sendiri. Keteguhan pokok rambutan gading ini menjadi lambang kelangsungan hidup Mak Engku dan keturunannya. Keistimewaan rambutan gading dengan sejarahnya yang unik seharusnya dipertahankan, sesuai dengan tarafnya yang pernah menjadi santapan raja sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.

Petikan-petikan di atas menceritakan asal usul pokok rambutan gading yang diwarisi oleh Mak Engku. Asal usulnya terbukti mempunyai hubungan erat dengan sejarah dan salasilah keturunan dan keluarga Mak Engku sendiri, seterusnya menjadi simbol pada watak matriarki Mak Engku, seorang ibu tua yang kuat dan gigih, seteguh pokok rambutannya. Dalam penceritaan asal usul pokok rambutan gading ini, beberapa detik peristiwa sejarah lama dijalinakan, terutamanya apabila Mak Engku mengimbas kembali kenangan silam seperti yang diceritakan oleh ayahnya. Hal ini berkait rapat dengan persoalan sumber dan identiti yang berlingkar dalam penceritaan sejarah, yang menjadi jati diri pewaris cerita tersebut. Jati diri inilah yang hendak disampaikan oleh Tuk Ku Syed kepada Mak Engku, dan Mak Engku kepada anak cucunya, dan penyampaiannya hanya boleh dilakukan melalui cerita tentang masa silam keluarga mereka – sejarah mereka.

Sejarah sebagai Peringatan dan Pengajaran

Satu perkara menarik tentang penceritaan beberapa peristiwa sejarah dalam novel ini ialah penggunaan tarikh-tarikh yang spesifik. Contoh penggunaan tarikh spesifik adalah seperti dalam salah satu petikan yang menceritakan perihal kejatuhan Melaka, iaitu secara khususnya pada 15 Ogos 1511. Sememangnya ini fakta sejarah yang mudah kita peroleh, terutamanya daripada buku-buku sejarah Malaysia, namun kebanyakan karya kreatif yang lain selalunya akan menggunakan tahun sahaja, tanpa membuat sebarang pengkhususan tarikh. Inilah keunikan novel ini, walaupun bukan sebuah novel sejarah *per se*, namun penceritaan berasaskan sejarahnya menampilkan tarikh yang tepat, meyakinkan pembaca bahawa beberapa peristiwa yang diceritakan telah berlaku berdasarkan cerita sebenar. Di samping itu, peristiwa-peristiwa sejarah yang disisipkan, meskipun bercampur dengan imaginasi penulis, mempunyai maksud yang tersirat untuk menyampaikan peringatan, sepertimana Tuk Ku Syed menyampaikan peringatannya kepada Mak Engku.

Secara umumnya, peristiwa bersejarah yang diceritakan semula dalam novel ini membentuk susunan naratif perjuangan dan jati diri bangsa Melayu. Cebisan-cebisan sejarah yang disisipkan berfungsi sebagai peringatan kepada pembaca akan pengorbanan nenek moyang mereka, bermula dari kejatuhan kota Melaka dan beberapa lagi kota lain, hinggalah peristiwa menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Kita diingatkan untuk menghargai jasa pejuang-pejuang lama Melayu, seperti yang digambarkan dalam petikan berikut:

Pada bulan Oktober 1526, Kota Kara jatuh ke tangan bala tentera Portugis. Banyak pahlawan Melayu Melaka yang mengiringi Sultan Mahmud tewas termasuk Sang Setia dan Hang Nadim.

(Zahari Affandi, 2018:16)

Berapa ramai agaknya, dalam kalangan kita, terutamanya generasi muda, yang mengetahui tentang pertempuran di Kota Kara? Barangkali sebahagian daripada kita tidak pun mengetahui di mana terletak Kota Kara. Atau mungkin kita pernah mendengar nama Hang Nadim, tetapi siapakah pula Sang Setia? Persoalan-persoalan begini mampu mencetuskan rasa ingin tahu pembaca untuk menyelidiki kejadian tersebut dengan lebih lanjut. Persoalan yang sama juga mungkin boleh timbul selepas membaca petikan ini:

Bijih benih rambutan gading turun kembali ke tanah warisan yang dibekalkan kepada Kiyai Raden Umbuh, adik kepada Raden Haji Muhi Jamallulal yang menyertai bala tentera Aceh menyerang Portugis di Selat Singapura pada 1 Januari 1577.

(Zahari Affandi, 2018:19)

Sisipan sejarah seperti petikan di atas menyumbangkan dalam memerihalkan peristiwa yang pernah berlaku terhadap nenek moyang orang Melayu. Novel ini mengenangkan pengorbanan para pejuang moden yang berusaha untuk membebaskan masyarakat Melayu daripada cengkaman kolonialisme. Walaupun peristiwa sejarah yang berikutnya ini juga dicampuradukkan dengan kisah asal usul rambutan gading (seperti yang diceritakan oleh Tuk Ku Syed



Car  
ugis.  
a  
d  
lang  
8:16)  
si  
gkali  
a  
ota  
tapi  
n-  
skan  
gan  
s  
un  
i  
bala  
is di  
577.  
18:19)  
a  
ah  
rang  
an  
un  
ini  
sah  
i  
d

Penceritaannya lebih kepada satu proses pengabsahan dan justifikasi terhadap betapa “mulianya” susur-galur rambutan gading milik keluarga mereka sehingga menjadi “saksi” kepada beberapa peristiwa sejarah, sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.

kepada Mak Engku), namun penceritaan bercampur ini tidaklah mencatitkan rakaman peristiwa yang pernah berlaku di Terengganu dahulu:

“Kamu tau Tuan Wok, berkat keramat benih rambutan gading yang bercambah di Kampung Paloh, maka bangkitlah rakyat Terengganu yang diketuai oleh Haji Abdul Rahman Limbong pada 23 Mei 1928 menentang British yang mengenakan cukai tanah untuk orang Melayu Terengganu membuka tanah kebun. Balai Polis Kuala Berang dan Kuala Telemong diserang!”

(Zahari Affandi, 2018:17)

Seterusnya, ayah Mak Engku juga tidak melupakan jasa pahlawan-pahlawan lain di Kelantan dan Pahang:

Keramat dan daulat benih rambutan gading, merebak pula ke Tanah Serendah Sekebun Bunga, pada 29 April 1915. Haji Mat Hassan atau lebih dikenali dengan nama Tok Janggut bangkit bersama pengikutnya di Pasir Putih, membantah penjajah Inggeris yang mengenakan cukai tanah. Di Pahang, Dato Bahaman, Orang Kaya Indera Pahlawan Semantan dan Mat Kilau sendiri menentang tentera British di Jeram Ampai, *Kolonel E. A. Wise* yang mengepalai tentera Inggeris terbunuh.

(Zahari Affandi, 2018:18)

Jelas, penceritaan sejarah berfungsi untuk mengingatkan pembaca agar terus menghargai pengorbanan para pahlawan Melayu terdahulu. Penggunaan tarikh-tarikh dan tempat-tempat yang spesifik memberikan nilai tambah dalam penceritaan semula sejarah dalam novel ini. Teknik penulisan sebegini berkesan

untuk meningkatkan kepercayaan pembaca terhadap peristiwa-peristiwa bersejarah yang pernah berlaku dalam masyarakat Melayu sebelum ini.

Kesemua petikan dalam bahagian ini merujuk penceritaan semula sejarah oleh Tuk Ku Syed kepada Mak Engku. Walau bagaimanapun, semua insiden bersejarah ini bukanlah bersifat peribadi kepada Mak Engku. Penceritaannya lebih kepada satu proses pengabsahan dan justifikasi terhadap betapa “mulianya” susur-galur rambutan gading milik keluarga mereka sehingga menjadi “saksi” kepada beberapa peristiwa sejarah, sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi.

Selanjutnya, penceritaan semula sejarah juga diselitkan dalam kehidupan awal Mak Engku yang mengalaminya sendiri, bersama-sama ayahnya dan suaminya, Syed Muhamad Hasan, terutamanya semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu:

Berita Jepun sudah mendarat di Kuala Pak Amat dekat Pantai Sabak pada 8 Disember 1941, telah heboh sekampung. Umpama seekor harimau luka, semangat perjuangan yang menjadi darah daging Tuk Ku Syed Sulung mulai membara.

(Zahari Affandi, 2018:45)

Petikan di atas merakamkan satu episod penting dalam sejarah negara yang mengingatkan kita bahawa Kelantan ialah tempat pertama kemasukan tentera Jepun hinggalah seluruh semenanjung dan kepulauan Melayu jatuh di bawah takluknya. Mak Engku sendiri mengalami peristiwa sejarah malang ini, bukan lagi sekadar mendengar cerita-cerita yang disampaikan oleh ayahnya. Seterusnya, pembaca melihat insiden-insiden sejarah

yang berlaku dari sudut pandang Mak Engku dan perasaan beliau ketika menghadapi semua kepayahan hidup yang dialami.

Novel ini juga menceritakan keadaan Kampung Pahi di Kuala Krai, semasa pendudukan Jepun di Kelantan. Mak Engku ketika itu belum berkahwin dengan Syed Muhamad Hasan. Syed Muhamad Hasan atau nama sebenarnya Raden Pengiran Mudo Ismail Muhi, berketurunan raja dari Kraton Mura Bungo di Jambi, berganding bahu dengan ayah Mak Engku dalam mempertahankan kampung dan rumah pusaka keluarga Mak Engku:

Hari pertama askar Jepun yang pendek, comot dan busuk yang lengkap bersenjata masuk ke tanah Pahi, rumah pusakalah yang menjadi sasaran utama mereka untuk dijadikan markas, tetapi dengan kebijaksanaan Syed Muhamad Hasan dan Tuk Ku Syed Sulung, ketua pasukan askar Jepun terpaksa mengubah fikirannya dengan menjadikan stesen kereta api sebagai markas pusat untuk pengurusan askar di tanah Pahi.

(Zahari Affandi, 2018:50)

Di samping kebijaksanaan yang ditampilkan, kedua-duanya juga digambarkan mempunyai keberanian yang tinggi dalam usaha menentang askar Jepun ketika mereka cuba mernusnahkan pokok rambutan gading kepunyaan keluarga Mak Engku:

... Jepun laknat melepaskan beberapa das tembakan ke dahan rambutan, ketika itulah parang panjang Tok Ku Syed Sulung singgah ke leher askar Jepun, satu demi satu tumbang ke bumi. Yang jelas dalam mata Mak Engku yang mengendap dari celah lubang jendela, enam orang askar Jepun tumbang dengan berlumuran darah. Syed Muhamad Hasan dan pengasuhnya Ismail Tahalu ikut terjun ke laman dengan beberapa orang lagi gedeber kampung. Sebelum tentera semut Jepun datang membalas dendam, Syed Muhamad Hasan mengarahkan semua mayat askar Jepun dibuang ke dalam perigi buta di belakang rumah dan ditimbus

(Zahari Affandi, 2018:51)

Peristiwa (sejarah) yang disaksikan sendiri oleh Mak Engku ini adalah antara kejadian yang menyumbangkan kepada pembentukan sikap (jati diri) Mak Engku yang akan mempertahankan pokok rambutan gading daripada sebarang ancaman. Pengalaman cerita ayahnya kini menjadi pengalaman alaminya, menguatkan lagi tujuan kefahamannya, yakni asal usul, perjuangan dan mempertahankan hak. Selain penceritaan pendudukan Jepun di Kuala Krai, peranan pokok rambutan gading tersebut turut ditonjolkan keistimewaannya:

Tuhan telah selamatkan tanah Pahi, daulat Syed Muhamad Hasan dan Tuk Ku Syed Sulung barangkali, selepas kejadian pembunuhan askar Jepun di bawah pokok rambutan gading, hujan turun tidak berhenti-henti. Air Sungai Pahi, Sungai Temalir dan Sungai Galas telah melimpah ruah ke tebing. Tanah Pahi dilanda banjir besar. Askar Jepun mulai terkepung dan tidak boleh bergerak ke mana-mana. Rumah pusaka terus gagah, begitu juga rambutan gading terus meranum masak walaupun air banjir sampai ke dalam.

(Zahari Affandi, 2018:52)

Peristiwa ini sudah menimbulkan gambaran “keramat” atau unsur realisme magis yang bersesuaian dengan adat dan akidah orang Melayu. Hal ini turut menguatkan simbol pokok rambutan gading buat Mak Engku dan amanat untuk menjaganya. Begitu istimewanya pokok rambutan gading ini, sehinggakan cucu-cucu Mak Engku sendiri akan dimarahi sekeras-kerasnya apabila membuat khianat terhadap pokok rambutan tersebut:

“Kamu tahu tak budak bandar! Budak sombong! Pantang aku, kalau ada orang buat kurang ajar kepada pokok rambutan aku walaupun anak cucu sendiri. Kamu faham?” Mak Engku cepat-cepat menuruni tangga dan terus memulas telinga Syed Idham dan Syarifah Syafinas yang terkial-kial kesakitan.

(Zahari Affandi, 2018:115)



Keteguhan pokok rambutan gading juga mempunyai hubungan “spiritual” yang akrab dengan keadaan diri Mak Engku sendiri. Sekiranya Mak Engku ditimpa musibah, pokok rambutan gadingnya juga akan turut terabai, tidak terurus dan terdedah kepada ancaman luar:

Dahan dan ranting rambutan gading terjuntai, patah retak bagaikan dipanah petir halilintar dan puaka. Rumpu-rumpai dan semak-samun tumbuh meliar di persekitaran halaman. Di bawah pohon rambutan gading berselerak dengan sampah sarap, daun-daun kering dan buah-buah rambutan yang busuk berulat melambak dan bertaburan di sana sini.

(Zahari Affandi, 2018:314)

Situasi di atas seolah-olah menggambarkan hubungan Mak Engku dengan pokok rambutan gadingnya sebagai satu simbiosis yang ghaib, keadaan memerlukan antara satu dengan yang lain. Ternyata, pokok rambutan gading yang mempunyai sejarah unik ini menjadi simbol sikap, sifat dan pendirian Mak Engku sendiri, terutamanya tentang sikapnya yang tegas mempertahankan haknya. Seolah-olah pokok rambutan gading kepunyaan ibu tua ini menjadi “saksi” kepada perjalanan hidupnya berserta keturunannya dan juga “saksi” kepada peristiwa-peristiwa bersejarah dahulu. Pokok rambutan gading “menyimpan” ceritanya. Pokok ini pokok sejarah.

Pohon Sejarah Pohon Tradisi  
Novel *Manisnya Rambutan Kampung* mempunyai plot yang

mudah diikuti, dengan dua tema utamanya yang boleh dirumuskan melalui dua pepatah berikut, “biar mati anak, jangan mati adat” dan “air yang dicencang tidak akan putus”. Mak Engku, protagonis dalam cerita ini berjaya mempertahankan tradisi dan warisan keluarga yang telah lama diamalkan, sehingga sanggup menghalau anak-anak kandungnya sendiri.

Babak anak sulungnya, Syed Rahman bersama-sama dengan keluarganya, dan kemudian Syed Bongsu, anak bongsunya, yang kesemuanya dihalau oleh Mak Engku dengan ancaman tembakan senapang patah kerana tamakkan harta pusaka dan tidak menghormati ibu mereka. Konflik keluarga Mak Engku juga tercetus dengan dua orang anaknya yang lain, iaitu Syed Abdul Rahman dan Syarifah Munirah yang juga tamakkan harta pusaka dan berkelakuan biadab terhadap ibu mereka, pada awalnya. Namun begitu, konflik keluarga Mak Engku berakhir dengan harmoni – yang baik dibalas baik dan yang jahat menerima padahnya.

Syed Abdul Rahman dan Syed Munirah berserta anak-anaknya akhirnya insaf dan kembali ke pangkuan Mak Engku. Begitu juga dengan kedua-dua cucu angkat Mak Engku yang mulanya melarikan diri tetapi akhirnya bersatu semula dengan Mak Engku. Semuanya berakhir dengan aman, menepati pepatah “air yang dicencang tidak akan putus”, kecuali Syed Bongsu yang hidupnya meringkuk di penjara kerana penyelewengan duit

syarikat. Namun begitu, sebagai seorang matriark yang mulia, Mak Engku tetap mendoakan agar anak bongsunya insaf selepas menjalani hukuman.

‘Sebenarnya, cerita novel ini biasa sahaja, malah jelas didaktiknya, iaitu sebuah novel keluarga yang mengisahkan kegigihan dan ketegasan seorang ibu tua kampung mempertahankan haknya, khususnya pokok rambutan gading yang menjadi simbol kelangsungan hidup dan perwatakannya. Namun sebalik kebiasaan temanya, novel ini berjaya membawa masuk unsur-unsur sejarah dengan berkesan. Hal ini menjadikan novel ini unik dalam usaha menyedarkan masyarakat akan pentingnya isi kandungan sejarah, agar kita menghargai pengorbanan generasi lama ketika mendepani pembangunan negara semasa dan masa hadapan. ■

#### Rujukan

- Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Ramli Isin, Sahlan Mohd. Saman dan Zakaria Ariffin, 2006. *Sejarah Kesusasteraan Melayu (Jilid II)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang, Ruzy Suliza Hashim dan Asmiaty Amat, 2014. “Laporan Panel Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2013 (Cerpen)”. Kertas laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2013. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 21 November 2014.
- Zahari Affandi. “Manisnya Rambutan Kampung” dlm. *Mingguan Malaysia*, 16 Jun 2013.
- Zahari Afandi, 2018. *Manisnya Rambutan Kampung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.